

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 MEI 2020

AKHBAR : BERNAMA

MUKA SURAT :

Buka semula ekonomi elak pendapatan negara terjejas teruk

KUALA LUMPUR: Pembukaan semula kebanyakan sektor ekonomi dapat mengelakkan pertumbuhan pendapatan negara mengundur empat tahun ke belakang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata langkah yang diambil kerajaan dengan mengambil kira pelbagai aspek kesihatan yang digariskan Kementerian Kesihatan (KKM) itu dilihat dapat membendung isu ekonomi negara.

Beliau berkata, pembukaan ekonomi juga dapat mengelakkan impak langsung kepada pendapatan perkapita susut kepada AS\$9,000 seperti yang dicatatkan pada 2016, berbanding AS\$12,000 ketika ini.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan memutuskan untuk terus berbelanja dalam pembangunan infrastruktur kerana projek mega akan merancakkan ekonomi dan menjadi pencetus kepada perubahan perkembangan ekonomi Malaysia.

"Pembukaan semula kebanyakan sektor sebenarnya tidak dibuat secara tergesa-gesa. Kerajaan sudah mengambil kira pelbagai aspek termasuk yang paling penting iaitu kesihatan.

"Sudah tiba masanya kerajaan memulakan semula ekonomi selepas mengambil kira kejayaan kita melandaikan keluk COVID-19 selain berlandaskan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan KKM.

"Kita tidak boleh menunggu sehingga wabak sifar, baru nak buka sektor ekonomi. Ia pasti akan menimbulkan impak lebih besar kepada rakyat dan negara. Ini kerana COVID-19 adalah masalah paling serius dalam sejarah moden," katanya ketika menjadi tetamu dalam rancangan Bicara Naratif terbitan RTM di Angkasapuri, malam tadi.

Mustapa berkata, walaupun keputusan kerajaan meneruskan projek mega, namun sokongan swasta juga penting bagi memastikan wujud keseimbangan peranan antara kedua-dua pihak.

Katanya, projek pembangunan memainkan peranan penting kepada pertumbuhan dan kestabilan ekonomi negara, namun sektor swasta mungkin berdepan sedikit masalah dan mengambil sedikit masa untuk pulih.

"Beberapa sektor swasta khususnya pembinaan akan mengambil masa untuk kembali pulih susulan impak COVID-19. Jadi kerajaan akan memulakan semula projek mega untuk mencetuskan ekonomi negara," katanya.

Beliau berkata, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) yang akan bermula tahun depan serta pelaksanaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) dijangka akan memacu pembangunan ekonomi negara dan dapat mengagihkan pendapatan kepada rakyat dengan adil.

"Kita akan melihat semula mengenai pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung domestik (DDI) kerana ia mampu menggerakkan semula ekonomi Malaysia," katanya.